



Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Bintulu

Virus Zika

Zika secara lazimnya tersebar melalui gigitan nyamuk Aedes. Nyamuk-nyamuk Aedes lebih aktif pada siang hari, namun juga boleh menggigit mangsa pada waktu malam. Virus Zika boleh berjangkit melalui pemindahan darah (transfusi), hubungan kelamin, dan dari ibu kepada janin. Jangkitan virus kepada janin dalam tempoh hamil mungkin menyebabkan kecacatan kelahiran. Pada masa ini, tiada vaksin atau rawatan untuk jangkitan virus Zika.

Tanda-tanda penyakit Zika

Kebanyakan mangsa virus Zika tidak menunjukkan tanda sakit atau hanya mempunyai simptom-simptom yang kurang serius, termasuklah demam, ruam kulit, sengal sendi, mata merah, sengal otot dan sakit kepala. Simptom-simptom ini boleh berterusan selama beberapa hari hingga seminggu. Oleh kerana simptom-simptom ini kurang serius, kebanyakan orang yang dijangkiti virus Zika tidak memerlukan pemeriksaan atau rawatan di hospital. Kes kematian disebabkan oleh virus Zika sangat jarang berlaku. Setelah seseorang dijangkiti Virus Zika, kemungkinan besar mereka akan menjadi imun kepada jangkitan Zika pada masa akan datang.

Apakah risiko-risiko Zika?

1. Jangkitan virus Zika dalam tempoh kehamilan mungkin menyebabkan kecacatan kepada otak janin seperti mikrosefali, kecederaan kepada fungsi penglihatan, pendengaran dan pembesaran bayi.
2. Kes sindrom Guillain-Barré (kerosakan sistem saraf yang jarang berlaku), telah dilaporkan meningkat di kawasan-kawasan yang dilanda virus Zika.

Apakah cara-cara mengelakkan Zika?

Kaedah pencegahan Zika yang paling berkesan adalah dengan mengelakkan gigitan nyamuk dengan pemakaian baju berlengan panjang dan seluar panjang, menggunakan kelambu dan memasang jejaring pada tingkap rumah. Pakaian juga boleh dirawat menggunakan 'permethrin' untuk mengurangkan risiko gigitan nyamuk.

Kandungan ubat pencegah nyamuk termasuklah DEET, picaridin, IR3535, minyak lemon eucalyptus atau para-menthane-diol. Sila baca arahan penggunaan yang disertakan bersama label produk. Cara pemakaian yang betul terbukti selamat termasuk untuk wanita-wanita hamil atau yang memberikan penyusuan bayi.

Ubat pencegah nyamuk tidak harus digunakan untuk bayi yang berumur kurang dari dua bulan manakala produk yang mengandungi minyak lemon eucalyptus atau para-menthane-diol tidak harus digunakan untuk budak-budak yang berusia kurang dari 3 tahun. Jejaring boleh dipasang di sekeliling katil bayi yang berumur kurang dari 2 bulan.

Apa kriteria diagnostik Zika?

1. Sejarah lawatan/perjalanan ke tempat-tempat yang dilanda Zika
2. Ujian darah atau air kencing yang mengesahkan jangkitan virus Zika
3. Simptom-simptom Zika yang agak sama dengan penyakit-penyakit lain yang merebak melalui gigitan nyamuk, seperti demam denggi dan chikungunya

Apakah nasihat untuk pesakit Zika?

1. Rehat secukupnya
2. Minum banyak cecair
3. Makan ubat demam seperti paracetamol
4. Jangan makan ubat jenis non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs) tanpa nasihat doctor
5. Sekiranya anda mengidap gejala-gejala sindrom Gullain-Barré, demam berpanjangan atau keadaan bertambah teruk, sila dapatkan rawatan di hospital dengan kadar segera

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN VIRUS ZIKA DAN KEHAMILAN

(A) UNTUK PASANGAN YANG SEDANG MERANCANG UNTUK HAMIL

- 1. Sekiranya wanita yang tidak mengandung digigit oleh nyamuk dan dijangkiti virus Zika, adakah kandungan seterusnya berisiko?**

Virus Zika tidak mendatangkan risiko kecacatan bayi dalam kandungan seterusnya

- 2. Sekiranya pasangan sedang merancang untuk hamil, apakah nasihat KKM sekiranya salah seorang tinggal, bekerja atau belajar di kawasan yang terdapat jangkitan virus Zika?**

Jika kedua-dua lelaki dan wanita sihat

Pasangan dinasihatkan mengambil langkah pencegahan untuk mengelakkan gigitan nyamuk. Sekiranya mempunyai pertanyaan lanjut, boleh berjumpa dengan doktor anda

Jika wanita mempunyai simptom (demam, radang kulit dan simptom-simptom lain seperti merah mata atau sakit sendi)

Seharusnya mendapatkan rawatan secepat mungkin, dan sekiranya disahkan positif untuk virus Zika, wanita patut mempraktikkan hubungan intim yang selamat atau mengelakkan daripada melakukan hubungan intim selama sekurang-kurangnya 8 minggu selepas pulih, sebelum cuba untuk mengandung semula.

Jika lelaki mempunyai simptom (demam, radang kulit dan simptom-simptom lain seperti merah mata atau sakit sendi)

Seharusnya mendapatkan rawatan secepat mungkin, dan sekiranya disahkan positif untuk virus Zika, lelaki patut mempraktikkan hubungan intim yang selamat secara konsisten menggunakan kondom dengan cara yang betul atau mengelakkan daripada melakukan hubungan intim selama sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pulih.

(B) UNTUK WANITA HAMIL DAN PASANGAN

Pengesanan dan pencegahan

- 3. Adakah ujian yang boleh dilakukan untuk mengetahui bahawa wanita hamil dijangkiti virus Zika?**

Buat masa ini, satu sahaja ujian yang terbukti untuk mengesan Zika, iaitu ujian '*reverse-transcriptase-polymerase chain reaction*' (RT-PCR) yang melihat bahan genetik virus ini dalam darah atau air kencing. Walau bagaimanapun, RT-PCR hanya boleh mengesan jangkitan Zika dalam darah pada masa 5-7 hari selepas bermulanya simptom, manakala untuk air kencing, dalam masa 14 hari selepas simptom bermula. Oleh itu, jangkamasa seorang wanita hamil untuk mengesan jangkitan Zika menggunakan RT-PCR adalah sangat pendek. Buat masa ini, belum ada lagi ujian serologi (yang mengesan antibodi dalam darah) untuk Zika.

- 4. Sekiranya saya hamil dan pasangan saya didapati positif untuk virus Zika, adakah saya perlu melakukan ujian sekiranya saya tidak mempunyai simptom?**

Sekiranya anda ada melakukan hubungan intim dengan pasangan, anda dinasihatkan berjumpa dengan doktor and memaklumkan bahawa anda berkemungkinan terdedah kepada Zika supaya doktor anda boleh mengaturkan ujian untuk mengesan jangkitan Zika.

- 5. Sekiranya saya hamil dan tidak mempunyai simptom, tetapi risau berkenaan kemungkinan terdedah kepada Zika, adakah saya perlu menjalani ujian?**

Berdasarkan Garispanduan WHO Mei 2016 dan KKM Ogos 2016 berkenaan Jangkitan Virus Zika dan Kehamilan, tidak dinasihatkan melakukan ujian ke atas wanita yang tidak mempunyai simptom. Sekiranya anda risau, anda patut berbincang dengan doktor anda.

- 6. Adakah wanita hamil patut membuat ujian darah/air kencing secara berkala untuk mengesan Zika, untuk memastikan dia tidak dijangkiti?**

Tidak, melainkan wanita hamil mempunyai simptom yang menunjukkan kemungkinan jangkitan virus Zika (demam, radang kulit, dan simtom lain seperti merah mata atau sakit sendi).

- 7. Adakah selamat untuk wanita hamil menggunakan ubat penangkis nyamuk?**

Ya, ubat/bahan penangkis nyamuk yang dijual di Malaysia adalah selamat untuk kegunaan wanita hamil. Anda juga boleh mengelakkan gigitan nyamuk dengan memakai baju berlengan panjang, menggunakan kelambu, atau berada di dalam bilik yang mempunyai skrin berjaring halus ('*mesh*') dan berhawa dingin untuk mengelakkan nyamuk masuk.

8. Sekiranya saya hamil dan baru-baru ini melawat kawasan yang terjejas dengan Zika di Malaysia, apakah yang patut saya lakukan?

Sekiranya anda sihat, anda tidak perlu berjumpa dengan doktor. Anda digalakkan terus mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan gigitan nyamuk. Sekiranya anda mempunyai simptom yang menunjukkan kemungkinan jangkitan virus Zika (demam, radang kulit, dan simptom lain seperti merah mata atau sakit sendi), anda patut berjumpa dengan Pakar Sakit Puan dengan segera.

9. Sekiranya saya hamil dan tinggal, bekerja atau belajar di kawasan yang terjejas dengan virus Zika di Malaysia, apa yang patut saya lakukan?

Anda patut mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan gigitan nyamuk dan berjumpa dengan doktor sekiranya mengalami simptom demam, radang kulit, dan simptom lain seperti merah mata atau sakit sendi. Anda juga seharusnya memberitahu doktor anda di mana anda tinggal, bekerja atau belajar.

10. Sekiranya isteri/pasangan wanita saya hamil dan saya didapati positif dijangkiti Zika, apakah yang patut saya lakukan?

Anda patut mengamalkan hubungan intim yang selamat melalui penggunaan kondom dengan konsisten dan dengan cara yang betul, atau mengelakkan daripada menyalinkan hubungan intim, sekurang-kurang sepanjang tempoh pasangan anda mengandung.

11. Sekiranya isteri/pasangan wanita saya hamil dan saya tinggal, bekerja atau belajar di kawasan yang terjejas dengan virus Zika di Malaysia, apakah yang patut saya lakukan?

Anda patut mengamalkan hubungan intim yang selamat melalui penggunaan kondom dengan konsisten dan dengan cara yang betul, atau mengelakkan daripada melakukan hubungan intim, sekurang-kurang sepanjang tempoh pasangan anda mengandung. Anda juga boleh mengelakkan gigitan nyamuk dengan memakai baju berlengan panjang, dan tidur menggunakan kelambu, atau di dalam bilik yang mempunyai skrin berjaring halus (*'mesh'*) atau berhawa dingin untuk mengelakkan nyamuk masuk. Sekiranya anda mempunyai simptom yang menunjukkan kemungkinan jangkitan virus Zika (demam, radang kulit, dan simptom lain seperti merah mata atau sakit sendi), anda patut berjumpa dengan doktor dengan segera. Anda juga seharusnya memberitahu doktor anda di mana anda tinggal, bekerja atau belajar.

Wanita hamil/Ibu yang dijangkiti virus Zika

12. Apakah yang dilakukan di negara-negara lain dalam merawat wanita hamil yang dijangkiti virus Zika? Adakah Malaysia juga melakukan perkara yang sama?

Negara-negara yang mempunyai wabak Zika mengamalkan pemantauan teliti untuk wanita-wanita hamil yang dijangkiti virus Zika untuk mengesan tanda-tanda kecacatan kepada bayi. Malaysia juga telah mengambil pendekatan yang sama.

13. Sekiranya saya hamil dan saya didapati positif untuk Zika, adakah saya perlu untuk dimasukkan ke hospital?

Sepertimana pesakit lain yang didapati positif untuk Zika, anda akan dirujuk ke hospital dan akan dirawat oleh doktor bahagian sakit puan.

14. Sekiranya saya hamil dan didapati positif untuk virus Zika, adakah bayi saya akan mendapat mikrosefali?

Buat masa ini, walaupun seseorang wanita itu dijangkiti virus Zika, tiada ujian yang pasti untuk meramal samada bayi anda akan mendapat mikrosefali. Oleh itu, adalah dinasihatkan untuk anda mengikut rawatan susulan yang kerap dengan doktor sakit puan.

15. Sekiranya seorang wanita hamil didapati positif untuk virus Zika, adakah dia patut mempertimbangkan untuk mengugurkan kandungan?

Wanita hamil yang didapati positif untuk Zika akan dimasukkan ke wad hospital kerajaan, dan dirujuk kepada pakar sakit puan untuk rawatan selanjutnya. Pemeriksaan *'ultrasound'* secara berkala dan ujian cecair amnion mungkin akan dipertimbangkan bergantung kepada risiko dan kekangan dalam membaca keputusan ujian-ujian. Mengugurkan kandungan adalah pilihan peribadi yang patut dibuat oleh seorang wanita hamil dan pasangan setelah berbincang sepenuhnya dengan doktor mereka.

16. Bolehkan wanita yang didapati positif untuk Zika menyusukan bayi mereka?

Virus Zika telah didapati dalam susu ibu tetapi buat masa ini, tiada bukti nyata yang menunjukkan virus Zika akan berjangkit kepada bayi melalui susu ibu.

(C) SOALAN-SOALAN BERKENAAN ZIKA DAN KEPALA KECIL (*MICROCEPHALY*)

17. Apa itu mikrosefali?

Mikrosefali adalah satu kecacatan kelahiran, di mana saiz kepala adalah sangat kecil berbanding bayi lain yang sama umur, keturunan dan jantina. Mikrosefali boleh disebabkan oleh pelbagai faktor genetik dan persekitaran, seperti Sindrom Down's, pendedahan kepada ubat-ubatan, alkohol atau toksin-toksin lain semasa dalam kandungan; contohnya virus Rubella and beberapa lagi jangkitan kuman/virus semasa mengandung. Akan tetapi, tiada rawatan khas untuk mikrosefali. Bayi dengan mikrosefali yang menunjukkan kerencatan perkembangan dalam pertumbuhan akan mendapat manfaat jika diberikan program-program pemulihan yang sewajarnya seperti rawatan fisioterapi, rawatan cara kerja ataupun keduanya.

18. Adakah Zika menyebabkan mikrosefali?

Terdapat bukti yang menunjukkan virus Zika boleh mengakibatkan mikrosefali.

19. Apakah kesan mikrosefali kepada bayi?

Mikrosefali mungkin wujud bersama kecacatan pada organ yang lain, ataupun mungkin berlaku tanpa tanda-tanda kecacatan di organ-organ lain. Bayi-bayi dengan mikrosefali mungkin mempunyai komplikasi daripada mikrosefali, seperti kesukaran untuk menelan, tangisan nyaring, sawan, kekejangan tangan dan kaki, perkembangan dan tumbesaran terbantut dsb. Bayi yang disyaki mempunyai mikrosefali patut dinilai dengan lebih terperinci oleh pegawai perubatan. Di samping penilaian klinikal, pengimejan neurologi mungkin diperlukan untuk melihat kemungkinan terjadinya kecacatan struktur otak.

Sumber rujukan: Centers for Disease Control and Prevention (CDC), Ministry of Health Singapore, Ministry of Health Malaysia

Disediakan oleh: Dr Tan LN/Dr Nur Khalisah

Tarikh: 21 Oktober 2016